

**Conference e-Proceedings**

*eISBN 978-967-2072-43-0*

*Physical & Online*



# I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF  
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:  
EMANCIPATING THE LANDSCAPE  
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,  
LANGUAGE AND LITERATURE**

**13 - 14 MARCH 2023**

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA  
MALAYSIA**

**ORGANISER**



Cawangan Melaka



**UNIVERSITI  
MELAKA**  
UMEL



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**CONFERENCE MANAGER**



WMIT GROUP SDN BHD  
138118-A



**Conference e-Proceedings  
International Conference of Research on  
Language Education 2023  
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of  
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023  
Noble Resort Hotel, Melaka  
*Physical and Online Conference***

**ORGANISER**



**CO ORGANISERS**



**UNIVERSITI  
MELAKA**



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**CONFERENCE MANAGER**



WMIT GROUP SDN BHD  
110118-A



## EDITORIAL BOARD

### Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz  
*Universiti Teknologi MARA*

### Committee Member

Fazlinda binti Hamzah  
*Universiti Teknologi MARA*

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Amirah binti Mohd Juned  
*Universiti Teknologi MARA*

### Coordinator

Zesdyzar Rokman  
*WMIT Group Sdn Bhd*

Rozielawati Rosli  
*WMIT Group Sdn Bhd*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.*

*The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.*

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:  
Zes Rokman Resources (2131022-P)  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



**Conference e-Proceedings**  
**International Conference of Research on Language Education 2023**  
**e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**Table of Contents**

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiediaan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643

# PENGARUH DIALEK KEDAH TERHADAP FONETIK DAN LEKSIKAL KATA SOAL PELAJAR PISMP: SATU KAJIAN KES

Nurmiza Zulaikha binti Hamzah<sup>1</sup>, Hasnah bt Awang<sup>2</sup>, \*Fauziah Hanim Binti Md Yusof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>nurmiza06-707@epembelajaran.edu.my

<sup>2</sup>hasnah@ipgmipoh.edu.my

\*Corresponding author

## ABSTRAK:

Dialek Kedah pada dasarnya adalah satu ragam bahasa yang unik dengan aspek sebutan dan leksikal tersendiri. Sungguhpun begitu, pengaruh yang di bawa oleh dialek boleh memberi kesan terhadap ujaran lisan seseorang. Sekiranya wujud unsur pengaruh dialek dalam ujaran guru, maka murid akan turut sama menggunakan dialek dalam kemahiran berbahasanya. Keadaan ini adalah kerana, pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh keadaan persekitarannya termasuklah di sekolah. Rentetan daripada itu, isu pengaruh dialek sepatutnya diatasi ketika seorang guru itu berada dalam tempoh latihannya iaitu melalui program PISMP. Justeru, satu kajian kualitatif berbentuk kajian kes dilaksanakan untuk melihat faktor pendorong penggunaan dialek Kedah serta pengaruhnya terhadap gaya sebutan (fonetik) serta penggunaan leksikal kata soal dialek terhadap tiga orang pelajar PISMP. Pengaruh dialek boleh berpunca daripada faktor rakan sebaya, keluarga dan persekitaran seseorang. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa proses dalam fonologi dialek Kedah yang mempengaruhi sebutan pelajar PISMP. Antaranya adalah proses pemanjangan dan perendahan vokal, penggantian, perubahan dan pengguguran konsonan serta pendiftongan. Pada aspek leksikal kata soal, terdapat perbezaan dari sudut pemilihan kosa katanya seperti 'awat' yang membawa maksud 'kenapa', 'apadia' iaitu 'apa' dan 'cemana' yang mewakili kata soal 'bagaimana'. Hasilnya, kajian ini dapat menyumbang kepada kesedaran dan peningkatan amalan penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan pendidik.

**Kata Kunci:** dialek Kedah, pelajar PISMP, faktor, fonologi, leksikal kata soal

## 1. PENGENALAN

Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), memberi pendefinisian dialek sebagai satu variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan manusia namun, ragam bahasa ini tidak dapat digolongkan dalam bahasa Melayu standard. Oleh sebab itu, guru memainkan peranan penting dalam mengaplikasikan bahasa Melayu yang betul dalam bilik darjah. Isu pengaruh dialek dalam ujaran lisan sepatutnya ditangani di peringkat guru pelatih lagi untuk memastikan masalah berbahasa murid di sekolah tidak berterusan. Justeru, kajian ini memperincikan faktor dan pengaruh dialek Kedah terhadap fonetik dan penggunaan leksikal kata soal bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu melibatkan tiga orang pelajar PISMP yang berasal daripada Kedah sebagai responden. Maka, kajian ini adalah untuk melihat pengaruh dialek tempatan yang menjadi salah satu asbab segelintir pelajar PISMP terpengaruh dengan dialek Kedah dalam komunikasi harian mereka.

### 1.1 Penyataan Masalah

Nuradlin Syafini Nawi dan Zaleha Embong (2020) mendapati guru-guru lebih gemar mencampur adukkan penggunaan dialek tempatan (Kelantan) ketika menjelaskan sesuatu untuk menjamin kefahaman murid. Senario ini boleh berpunca daripada beberapa faktor seperti latar belakang guru (Nabillah Bolhassan, 2019). Sungguhpun begitu, penggunaan dialek dalam bilik darjah dikatakan memudahkan murid untuk memahami isi pelajaran (Mohammad Fadzeli Jaafar et al., 2012). Tanpa disedari, keadaan ini boleh menjadi pendorong kepada kesalahan berbahasa murid (Nur Farakhanna Mohd Rusli et al. (2022). Buah fikir Atika Hassan et al. (2021) juga mendapati bahawa dialek boleh menyebabkan kesukaran proses komunikasi kerana terdapat perbezaan dari sudut leksikal dan sebutannya. Jika tidak diatasi, pengaruh dialek yang di bawa oleh guru dan persekitaran akan terus menjadi faktor utama dalam penguasaan kemahiran berbahasa murid sekolah rendah. Maka, kajian ini difokuskan dan terbatas kepada faktor-faktor penggunaan dialek serta pengaruhnya terhadap aspek fonetik dan leksikal kata soal yang digunakan terhadap tiga orang pelajar PISMP.

## 1.2 Objektif Dan Soalan Kajian

Secara khususnya pula, kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kedah dalam kalangan pelajar PISMP.
- ii. Mengenal pasti pengaruh dialek Kedah terhadap aspek fonetik dalam kalangan pelajar PISMP.
- iii. Mengenal pasti pengaruh dialek Kedah terhadap penggunaan leksikal kata soal dalam kalangan pelajar PISMP.

Rentetan daripada itu, persoalan kajian ini adalah untuk melihat:

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kedah dalam kalangan pelajar PISMP?
- ii. Apakah pengaruh dialek Kedah terhadap aspek fonetik dalam kalangan pelajar PISMP?
- iii. Apakah pengaruh dialek Kedah terhadap aspek penggunaan leksikal kata soal dalam kalangan pelajar PISMP?

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan struktur kajian kes yang berbentuk kualitatif. Jenis persampelan yang digunakan adalah persampelan bukan kebarangkalian (secara tak rawak). Menurut Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2012), terdapat empat ciri umum pemilihan responden yang lazim digunakan oleh pengkaji dialek iaitu NORM oleh Chambers dan Trudgill (1998) iaitu *non-mobile* (menetap), *older* (dewasa), *rural* (pedalaman), dan *predominantly males* (lelaki). Dari aspek ciri *predominantly males* (lelaki), Trudgill dalam Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2012) mempercayai dialek kaum lelaki adalah lebih pekat berbanding perempuan namun, ada yang berpandangan bahawa dialek perempuan adalah lebih asli berbanding lelaki. Rentetan daripada itu, pengkaji memilih untuk menggunakan responden dalam kalangan lelaki dan perempuan.

Untuk itu, pengkaji menggunakan kaedah triangulasi data iaitu temu bual, soal selidik dan pemerhatian (senarai semak) untuk mengumpul data. Ketiga-tiga jenis instrumen adalah dibina berpandukan kajian terdahulu iaitu daripada Atika Hassan et al. (2021) untuk item temu bual, kajian Wan Muna Ruzana (2017) untuk soal selidik dan Darwalis Sazan et al. (2019) untuk senarai semak pemerhatian. Tujuan adaptasi instrumen ini adalah untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan item yang dibina. Pada masa yang sama, pengkaji turut sama melakukan pengesahan instrumen melalui dua orang pakar iaitu Tuan Haji Abdul Rani bin Hassan manakala



pengesahan kali kedua ialah Dr Hajah Nor Aziah binti Abdul Aziz. Pengaplikasian tiga jenis teori dalam kajian ini iaitu model NORM (1998), Teori Pemerolehan Bahasa (1953) dan Teori Fonologi Generatif (1968) juga adalah untuk mewujudkan triangulasi teori dalam meningkatkan kesahan kajian.

## 2.1 Pengumpulan Dan Penganalisan Data

Pengkaji melaksanakan kaedah temu bual separa struktur dengan responden berdasarkan soalan-soalan yang disediakan. Seterusnya, bagi kaedah pemerhatian pula pengkaji membuat pemerhatian terhadap rakaman pengajaran ‘Google Meet’ yang dijalankan oleh responden ketika praktikum fasa 1 yang lalu. Penggunaan leksikal kata soal dialek Kedah yang digunakan oleh responden direkodkan dalam borang senarai semak pemerhatian yang dibina berpandukan TFG. Setelah itu, penganalisan data akan dijalankan dengan lebih terperinci dengan menyaring data dan merumus data yang dikumpul. Pengkaji turut menganalisis data melalui dapatan rakaman audio ketika sesi pemerhatian dijalankan. Pada masa yang sama, senarai semak digunakan untuk menganalisis dan menyaring pengaruh dialek yang dikesan ketika pemerhatian.

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Melalui temu bual, pengkaji mendapati bahawa rata-rata responden berpendapat bahawa rakan sebaya, keluarga, dan persekitaran seperti jiran dan sekolah menjadi faktor yang mendorong mereka menggunakan dialek Kedah. Biasanya, pengaruh rakan sebaya adalah berpunca daripada latar belakang pendidikan responden yang bersekolah di Kedah dan dikelilingi oleh rakan-rakan yang bertutur dengan menggunakan dialek Kedah. Ini membuktikan bahawa rakan sebaya yang berada dekat dengan seseorang individu boleh memberi pengaruh terhadap penggunaan bahasa seperti yang dinyatakan dalam kajian Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna (2017).

Pada masa yang sama, responden turut menyatakan bahawa faktor keluarga juga memainkan peranan dalam penggunaan dialek dalam proses komunikasi dan interaksi seseorang yang bertepatan dengan kajian Mohammad Shahrul Nizam dan Muhammad Zaid Daud (2018). Ibu bapa yang berasal dari Kedah dan merupakan penutur natif dialek Kedah lazimnya akan menggunakan dialek Kedah apabila bertutur dengan anak-anak. Senario ini menyebabkan pemerolehan bahasa individu tersebut akan dipengaruhi oleh bahasa yang dituturkan oleh ibu bapanya. Oleh sebab itu, faktor keluarga yang merupakan golongan terdekat dengan seseorang akan memberi pengaruh terhadap penggunaan bahasa mereka.

Ketika temu bual, responden juga mengaitkan faktor persekitaran dengan pengaruh yang dibawa oleh kawasan kejiranan yang menggunakan dialek Kedah. Responden B ada mengaitkan isu ‘perlian’ atau ejek-mengejek sekiranya bertutur ‘bahasa luar’ daripada dialek Kedah apabila berada dalam kelompok penutur dialek itu sendiri. Keadaan ini turut sama disebut dalam kajian Nuradlin Syafini Nawawi dan Zaleha Embong (2020). Pengkaji turut sama menjalankan satu soal selidik untuk melihat faktor yang mendorong penggunaan dialek dengan lebih terperinci. Dapatan tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1:

Rakan sebaya	Keluarga	Persekitaran
1. Rakan-rakan bertutur dengan menggunakan dialek Kedah apabila bertutur dengan saya. (100% - Ya)	1. Saya menggunakan dialek Kedah apabila bertutur dengan keluarga saya. (100% - Ya)	1. Saya banyak bergaul dengan rakan-rakan yang berasal dari Kedah dan menggunakan dialek Kedah ketika bertutur dengan saya. (100% - Ya)



2.Saya menggunakan dialek Kedah ketika bertutur dengan rakan-rakan yang bukan berasal dari Kedah. (66.7% - Ya)	2. Ibu bapa saya menggunakan dialek Kedah apabila berkomunikasi dengan saya. (100% - Ya)	2.Pensyarah tidak menegur saya jika saya menggunakan dialek Kedah dalam situasi formal. (66.7% - Ya)
3.Rakan-rakan sering menegur saya jika saya menggunakan dialek dalam situasi formal seperti kuliah atau mengajar. (66.7% - Ya)	3.Adik-beradik saya menggunakan dialek Kedah ketika bertutur dengan saya. (100% - Ya)	3.Pensyarah juga menggunakan dialek Kedah ketika sedang memberi kuliah. (66.7% - Ya)

Jadual 1 Dapatan Soal Selidik Faktor-Faktor Penggunaan Dialek

### 3.1 Pengaruh Dialek Kedah Dari Aspek Fonologi

Pengkaji mendapati terdapat beberapa proses fonologi dalam ujaran responden yang dipengaruhi oleh dialek. Berpandukan Teori Fonologi Generatif oleh Noam Chomsky (1968), proses pemanjangan dan perendahan vokal, proses penggantian, perubahan, pengguguran dan pendiftongan telah dikenalpasti sepanjang pemerhatian dijalankan. Dapatan ini dapat dilihat dalam Jadual 2:

Responden	Pemanjangan Vokal /is/ - [eh]
A	/tulis/ - [tule:h]
B	/tulis/ - [tule:h]
C	/tulis/ - [tule:h]

Jadual 2 Pengaruh Pemanjangan Vokal

Proses pemanjangan vokal yang dibawa oleh pengaruh dialek Kedah ini didapati hanya melibatkan gugusan /is/ pada akhir sesuatu kata. Hal ini terjadi apabila vokal /i/ direndahkan kepada [e] manakala konsonan /s/ diubah kepada frikatif [h] membentuk bunyi [eh]. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat beberapa perkataan yang menerima pengaruh pemanjangan vokal sepertimana yang terdapat dalam ujaran responden A, B dan C iaitu /tulis/ menjadi [tule:h].

Responden	Perendahan Vokal /u/ - [o]	Perendahan Vokal /i/ - [e] ,
A	/gaduh/ - [gadoh] /tunjuk/ - [tunjo?]	-
B	-	-
C	/pukul/ - [pukoj]	/lain/ - [laen]

Jadual 3 Pengaruh Perendahan Vokal

Jadual 3 menunjukkan proses perendahan vokal yang melibatkan vokal tinggi /u/ dan /i/ yang direndahkan kepada vokal [o] dan [e] dalam suku kata tertutup (KVK). Secara dasarnya, perendahan yang berlaku ini adalah sama seperti proses perendahan yang berlaku dalam bahasa Melayu standard (Darwalis Sazan et al. 2019). Contohnya, /gaduh/ diujarkan sebagai [gadoh] dan /tunjuk/ adalah [tunjo?]. Bagi perendahan vokal /i/ kepada [e] pula, hanya satu perkataan yang ditemukan sepanjang pemerhatian iaitu /lain/ disebut [laen].

Responden	Penggantian /r/ - [ʁ]	Penggantian /r/ - [y]	Penggantian /f/ - [p]
-----------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

A	/belajar/ - [bəlɔdʒaʃ] /dengar/ - [dɔŋɔʃ]	/seronok/ - [səʝonoʔ] /seorang/ - [soʝaŋ]	/faham/ - [paham]
B	/gambar/ - [gambaʃ] /terkeluar/ - [terkeluaʃ] /bayar/ - [bayaʃ] /besar/ - [besaʃ]	/berasa/ - [bəʝasa] /hari/ - [haya]	/faham/ - [paham]
C	/gambar/ - [gambaʃ] /ajar/ - [ajaʃ]	/rasa/ - [ʝasa] /murid/ - [muʝid] /rempah/ - [ʝempah] /rambut/ - [ʝambut] /seronok/ - [səʝonoʔ] /baru/ - [baʝu]	/faham/ - [paham]

Jadual 4 Pengaruh Penggantian Konsonan dalam Dialek Kedah

Berdasarkan Jadual 4, terdapat tiga jenis penggantian yang berlaku dalam dialek Kedah. Sebagai contoh, penggantian konsonan /r/ kepada farinks [ʃ] akan berlaku sekiranya konsonan tersebut berada di akhir perkataan. Contohnya, /belajar/ disebut [bəlɔdʒaʃ] dan /dengar/ menjadi [dɔŋɔʃ]. Lain daripada itu, jika /r/ berada di awal atau tengah-tengah perkataan pula responden akan menggantikannya pula dengan konsonan frikatif velar bersuara [ʝ] atau [gh] seperti /seronok/ sebagai [səʝonoʔ] dan /seorang/ disebut [soʝaŋ]. Turut berlaku juga penggantian konsonan /f/ kepada konsonan plosif [p] jika konsonan tersebut berada di awal perkataan seperti /faham/ disebut [paham].

Responden	Perubahan Lateral /l/ - Geluncuran [j]	Perubahan /s/ - [h]
A	/betul/ - [bətɔj] /awal/ - [awaj]	-
B	/kənal/ - [kənaj] /jual/ - [juaj] /betul/ - [bətui]	/bəlas/ - [bəlæh] /sələpas/ - [sələpæh]
C	/pukul/ - [pukɔj] /tinggal/ - [tiŋgaj] /betul/ - [bətui]	/bəlas/ - [bəlæh]

Jadual 5 Pengaruh Perubahan Konsonan dalam Dialek Kedah

Selain itu, pengaruh dialek Kedah juga menyebabkan berlakunya perubahan terhadap fonem konsonan lateral /l/ kepada geluncuran [j]. Pengkaji mendapati bahawa perubahan ini berlaku pada perkataan yang mengandungi konsonan lateral /l/ di akhir perkataan namun mesti didahului oleh fonem vokal /a/, /u/, atau /o/. Dalam konteks ujaran responden, hanya perkataan yang didahului oleh fonem vokal /a/ dan /u/ sahaja dapat dikenalpasti seperti /betul/ - [bətɔj] dan /awal/ - [awaj]. Untuk perubahan konsonan frikatif /s/ kepada frikatif glotis [h] pula adalah berlaku apabila konsonan /s/ berada pada posisi koda (KVK) atau pada suku kata tertutup. Rentetan daripada itu, konsonan /s/ berubah kepada bunyi [h] dalam dialek Kedah yang dapat dijadikan contoh adalah seperti /bəlas/ - [bəlæh] dan /sələpas/ - [sələpæh].

Responden	Pengguguran /r/	Pengguguran /h/
A	-	-



B	-	-
C	-	/berhenti/ - [bəyenti]

Jadual 6 Pengaruh Pengguguran Konsonan dalam Dialek Kedah

Seterusnya, pengguguran terhadap konsonan getaran /r/ dan frikatif glotis /h/ seperti dalam Jadual 6. Jika pada proses penggantian banyak melibatkan konsonan /r/, tetapi pengkaji turut mendapati bahawa terdapat beberapa perkataan yang mengandungi konsonan /r/ di akhir perkataan tidak digantikan dengan [ʕ] sebaliknya, digugurkan dalam dialek Kedah. Pengguguran frikatif glotis /h/ pula hanya berlaku jika fonem ini berada pada kedudukan selepas fonem /r/ sebagai suku kata kedua dalam sesuatu perkataan. Maksudnya, fonem /h/ ini tidak disebut seperti [bəyenti].

Responden	Didahului Vokal /a/ - [æ] - [aeh]	Didahului Vokal /u/ - [ue] - [ueh]
A	-	/bagus/ - [bagueh]
B	/bəlas/ - [bələh] /sələpas/ - [sələpəh]	-
C	/ləpas/ - [ləpəh] /bəlas/ - [bələh] /kelas/ - [kələh]	-

Jadual 7 Pengaruh Pendiftongan dalam Dialek Kedah

Darwalis Sazan et al. (2019) menerangkan proses pendiftongan ini sebagai satu proses yang menyatukan vokal tinggi seperti vokal /u/ dan /i/ untuk menghasilkan bunyi diftong dalam suku kata iaitu [aw], [aj] dan [uj]. Namun begitu, proses pendiftongan dalam dialek Kedah terjadi apabila sesuatu perkataan itu diakhiri dengan konsonan frikatif /s/ yang sebelumnya dihadiri oleh fonem vokal /a/ atau /u/ seperti /us/ atau /as/. Darwalis juga mengatakan bahawa suku kata tertutup yang terbentuk ini menyebabkan berlakunya penyisipan bunyi [e] antara vokal-vokal tersebut manakala konsonan /s/ itu digantikan dengan konsonan /h/. Contohnya, /as/ menjadi [aeh] dan /us/ ditukarkan kepada [oeh]. Pengkaji menemukan beberapa perkataan yang didiftongkan oleh responden kerana pengaruh dialek.

### 3.2 Pengaruh Dialek Kedah Dalam Leksikal Kata Soal

Pengaruh terhadap penggunaan leksikal kata soal ini dikumpul dan dianalisis menerusi jadual senarai semak yang digunakan ketika pemerhatian dijalankan. Antara dapatannya adalah dapat dilihat seperti dalam Jadual 8.

Kata soal	Dialek Kedah	A	B	C
Bagaimana	Macam mana	/	/	/
	Cemana		/	
	Lagu mana			
Bila	Bila			/
Berapa	Berapa			/
Mana	i. Mana			
Apa	i. Apa			/
	ii. Pa		/	/
	iii. Apadia		/	/
Siapa	i. Sapa	/	/	/
	ii. Sapa dia	/		/



Mengapa	Pasaipa Awat Buatpa Sebabpa Rokpa	/
---------	---	---

Jadual 8 Leksikal Kata Soal Dialek Kedah

Responden	Kata Soal Dialek Kedah	Contoh Penggunaan
A	macam mana	<i>Cuba tulih macam mana jawapan dia?</i>
B	macam mana cemana	<i>Sapa tau syirik macam mana? Cemana kita tau kata sesat?</i>
C	macam mana	<i>Kalau kita bangun pagi ghambut kita macam mana? Cikgu nak ajaq macam mana nak bina ayat.</i>

Jadual 9 Dapatan Kata Soal 'bagaimana' dalam Pemerhatian

Variasi kata soal 'bagaimana' yang ditemukan dalam ujaran responden ketika pemerhatian dijalankan adalah 'macam mana' dan 'cemana'. Hasil penelitian Fazal Mohamed dan Nurulafiqah Suhaimi (2013) menunjukkan bahawa kata soal 'bagaimana' dalam dialek Kedah tidak mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu standard kerana tiada penggunaan 'mengapa' dalam ayat tanya yang diujarkan sebaliknya diganti dengan dua leksikal 'macam mana' dan 'cemana'. Penggunaan leksikal 'macam mana' digunakan oleh ketiga-tiga responden seperti dalam Jadual 10.

Responden	Kata Soal Dialek Kedah	Contoh Penggunaan
A	-	-
B	-	-
C	berapa	<i>Sekolah pukui berapa nak pi?</i>

Jadual 10 Dapatan Kata Soal 'berapa' dalam Pemerhatian

Leksikal 'berapa' lazimnya digunakan untuk memberikan pertanyaan terhadap sesuatu yang berkaitan dengan bilangan, jumlah atau nilai (Fazal Mohamed & Noriati Mohamad, 2017). Walaupun dalam dialek Kedah tetap mengekalkan penggunaan leksikal 'berapa' untuk bertanyakan bilangan dalam ayat tanya, namun cara sebutannya mempunyai sedikit perbezaan daripada bahasa Melayu standard iaitu fonem /r/ dalam perkataan tersebut di ganti dengan [ɣ] menjadi [bɔɣapa] atau /bɔghapa/.

Responden	Kata Soal Dialek Kedah	Contoh Penggunaan
A	apadia	<i>Kita belajaq awai-awai tadi apadia?</i>
B	pa	<i>Kita nak belajaq pasai pa haggi ni?</i>
	apadia	<i>Khatib ni dia kata pa?</i>
C	apadia	<i>Sapa paham ni apadia?</i>
	apa	<i>Apa khabaq semua?</i>
	pa	<i>Gambaq pa tu?</i>
	apadia	<i>Tau tak huruf vokal tu pa?</i>
	apadia	<i>Kalau kamu bersih kawasan sekolah tu apadia?</i>

Jadual 11 Dapatan Kata Soal 'apa' dalam Pemerhatian

Jadual 11 menunjukkan bahawa, kata soal ‘apa’ mempunyai pelbagai varian leksikal dalam dialek Kedah yang digunakan oleh responden iaitu ‘pa’, ‘apa’ dan juga ‘apadia’. Pengkaji mendapati bahawa leksikal ‘apadia’ dan ‘pa’ paling kerap digunakan dalam ujaran responden berbanding leksikal ‘apa’. Kata ‘apa’ disebut tanpa mengubah sebutannya dalam dialek Kedah. Untuk leksikal ‘apadia’ pula adalah digunakan oleh setiap responden kajian ini yang dapat dilihat seperti dalam Jadual 16. Maka, pengkaji berpendapat bahawa, leksikal ‘apadia’ ini merupakan salah satu leksikal kata soal bagi ‘apa’ yang kerap digunakan oleh penutur natif dialek Kedah.

Responden	Kata Soal Dialek Kedah	Contoh Penggunaan
A	Sapa	<i>Sat sapa tak cuba gi? Awat tu, sapa gadoh tu? Ada sapa lagi soghang nak cuba.</i>
	Sapadia	<i>Sapadia ni?</i>
B	Sapa	<i>Sapa lagi nak baca? Sapa faham ni apadia?</i>
	Sapa	<i>Sapa kata ada?</i>
C	Sapa	<i>Sapadia kumpulan satu?</i>

Jadual 12 Dapatan Kata Soal ‘siapa’ dalam Pemerhatian

Seterusnya, kata soal ‘siapa’ juga mempunyai beberapa ragam yang digunakan oleh responden iaitu ‘sapa’ dan ‘sapadia’. Fazal Mohamed dan Nurulafiqah Suhaimi (2013) ada menjelaskan dalam kajiannya bahawa penutur natif dialek Kedah menggunakan perkataan ‘sapa’ untuk mewakili kata soal ‘siapa’. Pada masa yang sama, kata soal ‘sapadia’ yang wujud dalam dialek Kedah ini mempunyai persamaan dengan penggunaan leksikal dialek Perlis seperti yang dinyatakan dalam Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Noriati Muhamad (2017). Menurutnya, berlaku satu fenomena pertambahan subjek ‘dia’ dalam kata soal ‘sapa’ hingga membentuk leksikal baharu iaitu ‘sapadia’ dalam dialek.

Responden	Kata Soal Dialek Kedah	Contoh Penggunaan
A	awat	<i>Awat tu, sapa gadoh tu?</i>
B	pasaipa	<i>Pasaipa kita takleh riak?</i>
C	-	-

Jadual 13 Dapatan Kata Soal ‘mengapa’ dalam Pemerhatian

Dialek Kedah menggunakan leksikal ‘awat’ dan ‘pasaipa’ untuk mewakili kata soal ‘mengapa’ dalam komunikasi. Kata soal ‘mengapa’ juga dikatakan tidak digunapakai dalam dialek Kedah tetapi leksikal ‘awat’ dan ‘pasaipa’ (Fazal Mohamed & Nurulafiqah Suhaimi, 2013).

#### 4. KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Rangkumannya, hasil kajian ini mendapati bahawa dialek memberi pengaruh terhadap pelajar PISMP. Faktor rakan sebaya, keluarga dan persekitaran yang menggunakan dialek Kedah

merangsang penggunaan dialek Kedah. Pada aspek fonologi, pengaruh dialek dikenal pasti dalam sebutan vokal dan konsonan yang melibatkan beberapa proses fonologi generatif seperti pengguguran, penggantian, perubahan dan pendiftongan. Pada aspek leksikal pula, pengaruh dialek Kedah banyak dikesan pada ketiga-tiga responden adalah penggunaan leksikal kata soal yang agak berbeza dari leksikal kata soal dalam bahasa Melayu standard. Antara leksikal tersebut adalah seperti 'awat' yang membawa maksud 'kenapa', 'apadia' iaitu 'apa' dan 'cemana' yang mewakili kata soal 'bagaimana'.

Lantaran itu, pengkaji mencadangkan untuk satu kajian lanjut berbentuk kuantitatif dilaksanakan. Keadaan ini secara tidak langsung boleh memberikan satu gambaran menyeluruh kepada warga pendidik terhadap impak dialek dalam kemahiran berbahasa pelajar PISMP. Kajian berkaitan fonologi dialek Kedah boleh dilaksanakan dalam bentuk kaedah kajian lapangan untuk memperbanyakkan lagi perkataan-perkataan dalam dialek Kedah yang mengalami proses fonologi generatif kerana pengkaji tidak berada dalam komuniti penutur dialek Kedah secara lapangan. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada bahagian kata soal dalam bidang leksikal sedangkan masih terdapat beberapa jenis leksikal lain yang dipengaruhi oleh dialek Kedah. Oleh sebab itu, satu kajian khusus yang memfokuskan pengaruh dialek Kedah terhadap leksikal juga boleh dijalankan.

Antara implikasi kajian adalah melalui Teori Pemerolehan Bahasa yang menyatakan bahawa pemerolehan bahasa seseorang adalah bergantung kepada persekitarannya. Justeru, seorang guru sepatutnya menjadi agen kepada penggunaan bahasa Melayu yang standard dan bukannya dialek tempatan. Sistem bunyi yang terdapat dalam dialek Kedah adalah berbeza dengan fonologi bahasa Melayu standard, boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada murid. Nur Farakhanna Mohd Rusli et al. (2022) menerangkan terdapatnya hubungkait antara kesalahan ejaan yang dilakukan oleh murid dengan ujaran lisan guru. Oleh sebab itu, guru mestilah mengambil implikasi terhadap kajian ini dengan menggunakan bahasa yang betul walaupun bukan berada dalam bidang pengkhususan bahasa Melayu dalam kelas.

## **RUJUKAN**

- Atika Hassan, Duli Kamit, & Evelyn Bangkang Jawi. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 40-56.
- Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md Yusoff dan Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek melayu kedah kunluang dalam wayang kulit seri asun. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 169-198.
- Dayang Sufilkawany Ujai, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis kata tanya 'sapa' dalam dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 43-59.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Noriati Muhamad. (2017) Kata soal dalam dialek Perlis. *AKADEMIKA*, 87(1),177-187.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, & Idris Aman. (2012). Sikap dan kefahaman pelajar terhadap dialek Negeri Sembilan: Kajian sosiolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studie*, 12(4), 1193-1211.
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Muhammad Zaid Daud (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(3), 11-21.
- Nabillah Bolhassan. (2019). Dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku: satu kajian perbandingan. *Malaysian Journal of Social Science*, 4(1), 9-19.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar, & Nur Faizah Md Adam. (2022). Hubung



- kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa dalam ujaran guru. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 4(1), 58-74.
- Nuradlin Syafini Nawati, & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kota Bharu, Kelantan. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26-40.
- Siti Noraini Hamzah, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian varian leksikal dialek di perak: pendekatan geographical information system. *Akademika* 88(1), 137-152. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8801-10>
- Wan Muna Ruzana Wan Ahmad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.